

HARAMAIN: APLIKASI HAJI DAN UMRAH

KHAIRUL NAQIB AZMAN

RODZIAH LATIH

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Islam telah menetapkan bahawa ibadah haji dan umrah wajib dilakukan sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan. Islam juga menganjur agar semua umat islam menanam cita-cita dan berusaha untuk pergi mengerjakan ibadah haji dan umrah ini. Oleh kerana ibadah haji dan umrah ini memerlukan perbelanjaan yang banyak, justeru itu ia perlu dilakukan dengan betul dan yakin. Setiap agensi pengelola haji dan umrah pastinya memberikan tunjuk ajar kepada klien mereka tetapi perjalanan menunaikan haji dan umrah bukanlah semudah yang disangka untuk boleh diingati dalam satu hari. Oleh itu, aplikasi Haramain ini dibangunkan untuk memudahkan urusan kedua-dua pengelola dan jemaah haji dan umrah. Antara fungsi yang ada pada aplikasi ini adalah membantu jemaah untuk mencari agensi, membantu pengguna memahami ibadat haji dan umrah, persiapan sebelum bertolak, panduan melakukan haji dan umrah, berita terkini di Tanah Suci, dan tempat-tempat yang menarik yang akan dikunjungi. Aplikasi ini dibangunkan menggunakan perisian Android Studio yang menggunakan Bahasa pengaturcaraan Java. Metodologi pembangunan menggunakan Model Air Terjun. Secara keseluruhannya, aplikasi ini diharap dapat membantu dalam memudahkan proses Jemaah Haji dan Umrah menunaikan ibadah dengan sempurna.

1. PENGENALAN

Dalam era modernisasi ini, pergerakan teknologi yang sangat laju menyebabkan ia menjadi perkara penting kepada semua manusia di seluruh dunia. Setiap manusia perlu mengikuti rapat dengan perkembangan teknologi yang terus berkembang supaya tidak ketinggalan dalam kehidupan harian. Teknologi yang pesat ini bukanlah sesuatu yang buruk malah ia membantu masyarakat dalam menjalani kehidupan harian dengan lebih mudah berbanding zaman terdahulu. Pergerakan teknologi yang pesat ini juga bukanlah cuma tertakluk kepada perkara lain, malah agama Islam juga perlu sentiasa bergerak selari dengan perkembangan teknologi supaya agama Islam tidak dianggap mundur. Agama Islam merupakan agama yang sangat lengkap dan maju meskipun ia sudah bertapak di bumi ini sejak abad ke-7 Masihi dan kita dapat membuktikan ini dengan ilmu sains dan teknologi yang terkandung di dalam Al-Quran. Al-Quran itu sendiri sudah terkandung ilmu sains dan teknologi yang hanya menunggu untuk dikaji dan dikembangkan oleh mereka yang memahami dan mengamalkannya (Abu Bakar bin Yang, 2000).

Penggunaan teknologi dalam keperluan agama Islam semestinya memudahkan umat Islam untuk melakukan ibadah seharian. Antaranya ialah penggunaan Internet untuk mengajar solat, kemudahan Youtube yang digunakan untuk mendengar ceramah atau zikir harian dan pelbagai manfaat lain. Kegunaan teknologi ini dapat membantu dari sekecil urusan sehingga urusan yang rumit. Penggunaan teknologi bukanlah sesuatu perkara yang asing lagi dengan agama Islam yang turut memudahkan umat Islam dari perlu berjumpa ahli ulama untuk setiap perkara sehingga cuma perlu mencari perkara tersebut dalam internet.

Namun, permasalahan yang dihadapi ialah penggunaan teknologi dalam urusan agama Islam tidak cukup luas untuk membantu umat Islam di setiap pelusuk dunia. Masih terdapat segelintir umat Islam yang menolak teknologi atas sebab tersendiri walaupun sudah terbukti kebaikan teknologi untuk menyebarkan agama Islam. Meskipun begitu, umat Islam yang sedar akan kebaikan teknologi mestilah terus aktif menggunakan teknologi untuk membantu umat Islam atau penganut agama lain untuk belajar lebih mengenai agama Islam. Masih terdapat banyak lagi perkara penting yang masih tidak diajar sepenuhnya di Internet dan ramai umat Islam perlu mencari inisiatif lain seperti berjumpa ulama atau membeli buku sedangkan fungsi teknologi adalah untuk memudahkan pengguna mereka. Kesimpulannya, kita mestilah menggunakan teknologi yang maju pada masa kini untuk meluaskan pengetahuan mengenai agama Islam.

2. PENYATAAN MASALAH

Kebanyakan umat Islam menghadapi masalah dari segi mencari agensi yang ingin digunakan untuk menunaikan ibadah Haji atau Umrah. Mereka menghadapi masalah dari segi mencari agensi yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak mereka. Namun, masalah terbesar mereka adalah mencari agensi yang boleh dipercayai kerana takut berdepan dengan penipu agensi.

Sebelum berangkat ke Tanah Suci, Jemaah akan menghadiri kursus yang dikendalikan oleh pengelola. Jemaah akan dijelaskan tentang tata tertib dan perjalanan Haji dan Umrah. Namun, ia tetap akan mengelirukan Jemaah yang baru pertama kali pergi ke sana. Jemaah juga akan dinasihatkan membawa bekalan pakaian dan kelengkapan Haji dan Umrah secukupnya. Tetapi ada juga yang kadang-kadang lupa untuk membawanya.

Jemaah Haji dan Umrah juga selalunya akan dibekalkan dengan buku panduan untuk kegunaan semasa di Tanah Suci. Namun, ada kalanya Jemaah terlupa untuk membawanya, sedangkan Jemaah memerlukan buku tersebut kerana di dalamnya terdapat contoh-contoh doa dan zikir yang boleh dibaca. Penggunaan buku panduan juga dilihat tidak praktikal kerana, lazimnya buku panduan ini bersaiz kecil, maka ianya mudah hilang.

Semasa di tanah suci juga terdapat program ziarah ke tempat bersejarah seperti di Gua Hira, Gua Tsur, pekan Hudaibiyah, dan sebagainya. Jemaah akan diberi penerangan tentang tempat-tempat ini semasa berada di dalam bas iaitu ketika perjalanan ke tempat-tempat tersebut. Kadang kala, penerangan kurang jelas disebabkan audio yang kurang jelas atau Jemaah tertidur. Ini menyebabkan Jemaah tidak dapat menghayati sejarah yang disampaikan dan ini amat merugikan masa Jemaah.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk membangunkan aplikasi berkaitan haji dan umrah yang dinamakan aplikasi Haramain. Seterusnya, objektif kajian juga adalah untuk Menguji kebolegunaan aplikasi Haramain

4. METOD KAJIAN

Model Air Terjun dipilih sebagai metodologi untuk membangunkan projek ini kerana model ini sesuai untuk projek yang kecil (Reddy, 2019). Model ini terdiri dari beberapa fasa yang berkait rapat dan setiap fasa perlu dilengkapkan sebelum bergerak ke fasa seterusnya. Setiap fasa akan dilakukan dengan sempurna tanpa perlu memikirkan mengenai fasa-fasa yang lain. Fasa yang terlibat adalah fasa keperluan dan analisis, fasa reka bentuk, fasa implementasi, fasa pengujian dan fasa pelancaran.

4.1 KEPERLUAN DAN ANALISIS

Fasa ini merupakan fasa di mana pembangunan akan mengumpulkan segala maklumat yang berkaitan mengenai perisian yang akan dibangunkan. Maklumat diperolehi melalui temubual dan kajian di beberapa sumber yang boleh dipercayai. Dalam fasa ini juga ditentukan objektif, skop dan metodologi pembangunan aplikasi. Fasa ini sangat penting kerana ini merupakan fasa pertama dan perlu dirancang dengan baik bagi memudahkan perjalanan di fasa-fasa seterusnya.

4.2 REKA BENTUK

Fasa ini ialah fasa penghasilan reka bentuk aplikasi yang akan dibina seperti rajah konteks, rajah kes guna, rajah kelas, dan reka bentuk antara muka aplikasi. Pembangun akan menggunakan aplikasi Visual Paradigm untuk melukis rajah-rajah yang berkaitan.

4.3 IMPLEMENTASI

Fasa ini merupakan fasa dimana aplikasi akan dibina berdasarkan kepada reka bentuk yang dihasilkan dari fasa sebelumnya.

4.4 PENGUJIAN

Fasa ini dilakukan bagi menguji sistem bagi memastikan ianya dibangunkan mengikut spesifikasi yang telah dirancang. Pembaikan dilakukan selepas pengujian sebelum ianya boleh digunakan oleh pengguna.

4.5 PELANCARAN

Fasa ini merupakan fasa di mana perisian yang dibina akan diserahkan kepada pengguna. Perisian yang telah lengkap dan bersedia untuk digunakan oleh pengguna. Komen dari pengguna dicatatkan untuk penambahbaikan di masa hadapan.

5. HASIL KAJIAN

Projek pembangunan aplikasi Haramain secara keseluruhannya telah berjaya disiapkan dan mencapai objektif yang ditetapkan seperti membina aplikasi yang akan membantu oengguna mencari agensi untuk menunaikan haji atau umrah. Selain itu, ia juga dapat membantu dari segi memberi panduan yang lengkap bagi haji dan umrah, memberikan senarai keperluan dan juga memeparkan tempat ziarah di Mekah atau Madinah.

Rajah 1 merupakan antara muka bagi daftar akaun dan antara muka bagi log masuk pengguna aplikasi Haramain. Pengguna perlu mengisi butiran yang telah ditetapkan untuk masuk ke dalam aplikasi Haramain.



The image shows two side-by-side screenshots of the Haramain application interface. Both screens feature the 'Haramain' logo at the top. The left screen is the login page, with input fields for 'Emel' (Email) and 'Kata Laluan' (Password), a link for 'Tiada akaun? Daftar!' (No account? Register!), and a 'LOG MASUK' (Login) button. The right screen is the registration page, with input fields for 'Nama Penuh' (Full Name), 'Emel' (Email), and 'Kata Laluan' (Password), and a 'DAFTAR' (Register) button. A large watermark 'Copyright@UKM@FTSM' is overlaid diagonally across the entire image.


Rajah 1 Antara Muka Log Masuk Dan daftar Akaun

Rajah 2 merupakan antara muka halaman utama bagi aplikasi Haramain. Pengguna boleh menekan butang yang terdapat pada halaman utama untuk menggunakan aplikasi ini.



Rajah 2 Antara Muka Utama Haramain

Rajah 3 merupakan antara muka bagi fungsi pencarian agensi dimana pengguna boleh menanda kehendak mereka dan sistem akan memaparkan agensi yang bersesuaian dengan mereka.



The image shows a search interface for 'Harāmāin'. At the top, the logo 'Harāmāin' is displayed in a stylized green font. Below the logo is a search input field. Underneath the search field, there is a section titled 'PAKEJ' (Package) with two radio button options: 'Haji' and 'Umrah'. Below this is another search input field. Underneath that, there is a section titled 'HARGA' (Price) with three radio button options: 'Bawah 10K', 'RM 10K - RM 20K', and 'RM 20K - RM 30K'. A large watermark 'Copyright @ FTSM UKM' is overlaid diagonally across the entire screenshot.

Rajah 3 Antara Muka Pencarian Agensi

Rajah 4 merupakan antara muka untuk pengguna melihat panduan haji atau umrah. Pengguna boleh menekan butang Haji atau Umrah dan sistem akan memaparkan panduan dengan lengkap.



Rajah 4 Antara Muka Panduan Haji Dan Umrah

Rajah 5 adalah antara muka senarai semak dimana pengguna boleh menyemak senarai keperluan dan akan disimpan di dalam *database* sistem.

Haramain

- Agensi
- Tiket Penerbangan
- Dokumen
- Passport
- Kad Pengenalan
- Buku Kesihatan TH
- Kain Ihram/Telekung
- Pakai

lain-lain _____

lain-lain _____

lain-lain _____

Rajah 5 Antara Muka Senarai Semak

Rajah 6 merupakan antara muka tempat ziarah yang akan memberikan rekomendasi tempat ziarah kepada pengguna sama ada di Mekah atau Madinah. Pengguna boleh menekan butang yang ingin dilihat dan sistem akan memaparkan tempat ziarah beserta sejarah mereka.



Rajah 6 Antara Muka Tempat Ziarah

6. KESIMPULAN

Pembangunan aplikasi Haramain ini telah berjaya dibangunkan bagi tujuan membantu jemaah dan juga agensi untuk menunaikan Haji dan Umrah. Proses pembangunan aplikasi ini juga telah berjaya disiapkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Namun begitu, aplikasi ini merupakan aplikasi yang baharu, jadi masih terdapat sedikit kekurangan yang perlu ditambah baik. Oleh itu, diharapkan kajian yang lebih terperinci akan dilakukan untuk membantu menambah baik aplikasi ini pada masa akan datang.

7. RUJUKAN

8.

Yang, A. B. (2020). *Hubungan Islam dengan Sains dan Teknologi*. Official Website: Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM). <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2000/01/01/hubungan-islam-dengan-sains-dan-teknologi/>

Reddy, S. (2019, February 27). *Waterfall Methodology in Project Management — Phases, Benefits*. Medium. <https://medium.com/@sudarhtc/waterfall-methodology-in-project-management-phases-benefits-85393be2f1d>

Khairul Naqib Bin Azman (A176921)
Rodziah Latih
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia